

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 09/04/2008

Siasatan kes libatkan Dr. Mahathir ditutup

Oleh HASHNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 8 April - Peguam Negara mengarahkan siasatan kes terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang didakwa campur tangan dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas seorang pegawai kanan Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 1998 ditutup.

Pengarah Bahagian Siasatan BPR, Datuk Mohd. Shukri Abdull berkata, ini kerana kajian Peguam Negara mendapati terdapat keterangan saksi-saksi yang tidak konsisten dan tiada keterangan sokongan dalam kes tersebut.

"Susulan kenyataan beberapa pihak yang disiarkan dalam media

massa yang mendesak supaya tindakan diambil ke atas Tun Dr. Mahathir yang didakwa campur tangan dalam siasatan oleh BPR pada 1998 dengan mengarahkan penutupan fail kes itu.

"Justeru, BPR telah menyemak kes itu dan mendapati siasatannya telah selesai. Peguam Negara mengarahkan ia dihentikan dan kes ditutup," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini.

Mohd. Shukri berkata, pihaknya juga telah mengambil inisiatif menghubungi bekas Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahaya untuk mendapatkan penjelasan sebenar tentang kes itu.

Menurutnya, Shafee memaklum-



MOHD. SHUKRI ABDULL

kan bawakan keterangannya mengenai kes itu telah diambil oleh pihak

polis pada tahun 2000.

"Sehubungan itu, kes tersebut disiasat oleh pihak polis dan BPR tidak akan campur tangan bagi mengelakkan wujudnya sebarang pertindihan siasatan," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Shukri berkata, BPR tidak ada kuasa untuk menjalankan siasatan separuh jalan terhadap mana-mana kes rasuah yang dilaporkan kepada mereka.

"Sebaik sahaja kertas siasatan dibuka, BPR kena siapkan siasatan itu dan hantar kepada pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

"Tapi sejak mula berkhidmat dengan BPR, tidak ada satu kes pun yang dihentikan separuh jalan atas arahan pihak tertentu," katanya.